

# Sebar Islam: Malaysia tak pernah pandang ringan

UM - 4 MAR 1982

**A**BU DHABI, 3 Mac. - Malaysia tidak pernah memandang ringan tugasnya untuk menyumbang ke arah penyebaran agama Islam walaupun penekanan selalu diberi kepada soal-pembangunan dan ekonomi dalam hubungan dengan negara-negara lain.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ikatan antara Malaysia dengan Amiriyah Arab Bersatu bukanlah semata-mata kerana hubungan dagangan yang wujud di antara kedua buah negara.

Sebagai orang-orang Islam tambah beliau, apa juga bentuk hubungan, sama ada ekonomi atau perdagangan yang dibuat adalah dengan semangat ikatan ummah.

Beliau menegaskan adalah menjadi hasrat Malaysia untuk menyumbang ke arah penyebaran Islam dan memelihara kemuliaannya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam pertemuannya dengan ahli-ahli Dewan Perniagaan Abu Dhabi di akhir lawatannya ke Amiriyah Arab Bersatu.

Beliau yang berlepas ke Oman hari ini untuk mengakhiri lawatannya ke negara-negara Teluk memberitahu para war-

tawan bahawa antara perkara pokok yang dibincangkannya semasa berada di sini ialah tentang kemungkinan menubuhkan sebuah pusat pengajian tinggi Islam.

Katanya, butir-butir lanjut tentang penubuhan

pusat pengajian itu akan diumumkan kemudian kelak.

Perdana Menteri menarik perhatian, peranan pelajaran dalam pembangunan umat Islam adalah antara perkara utama yang dibincangkannya dalam rundingan dengan Presiden Amiriyah Arab Bersatu, Sheikh Zaid ben Sultan Nahyan.

Atas kesedaran ini katanya, sebuah pusat pengajian tinggi Islam mungkin ditubuhkan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, kejayaan pesat yang dicapai oleh

Universiti Al-Ain di sini yang mengajar berbagai bidang pengajian termasuk sains dan kejuruteraan adalah satu contoh yang boleh diikuti oleh Malaysia.

Universiti tersebut yang terletak di Al-Ain ditubuhkan lima tahun lalu dan menawarkan bidang-bidang pengajian yang tidak semata-mata tertumpu kepada pengajian Islam.

Perdana Menteri juga memberitahu bahawa beliau turut membincangkan dengan panjang lebar soal-soal kerjasama dua hala antara Malaysia dengan Abu Dhabi di samping bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan-perkembangan semasa di rantau masing-masing.

Di samping itu katanya, beliau membincangkan masalah yang dihadapi oleh umat Islam termasuk masalah pembangunan dalam Islam serta pendirian mereka terhadap pembangunan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, masalah mencari perdamaian bagi menamatkan sengketa Iraq dengan Iran juga disentuh.

Dalam bidang perdagangan pula, beliau menarik perhatian bahawa Abu Dhabi merupakan satu pusat yang rancak dengan berbagai kegiatan ekonomi khususnya di kalangan orang-orang Islam.

Kedudukan ini, tegasnya, membuka jalan bagi perdagangan yang lebih

giat antara Abu Dhabi dengan Malaysia di samping kegiatan-kegiatan lain yang boleh membawa menafaat kepada kedua-dua buah negara.

Di samping itu katanya, terdapat berbagai bidang di mana para pelabur Abu Dhabi boleh menjalankan usahasama dengan rakan-rakan mereka di Malaysia bagi faedah bersama.

Lumpur tetapi rancangan itu dibatalkan apabila keluarga Allahyarham tidak bersetuju.

Konstabel Yahya yang masih bujang memasuki pasukan polis tahun 1977 selepas menamatkan persekolahannya di Pulau Pinang.

Konstabel Yahya ditembak di belakang dan kakinya di Lorong Tuanku Abdul Rahman dan meninggal dunia di wad kecemasan Hospital Besar Kuala Lumpur kira-kira pukul 3.45 petang semalam.